

## P.M. pun bayar cukai kastam....

"PM minta kastam periksa barangnya," kata sebuah kepala kecil di muka hadapan Berita Harian September 16, 1981. Berita selanjutnya berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pegawai kastam di lapangan terbang memeriksa dan menaksir barangnya sendiri yang dibeli di luar negeri.

Perdana Menteri memberitahu pegawai berkenaan: "Awak kiralah berapa banyak cukai yang perlu dibayar."

Datuk Seri Dr. Mahathir membeli beberapa barang cendermata dari Sepanyol dan Belanda dan nilainya lebih kurang antara \$800 hingga \$900.

\*\*\*

### Komen Penulis:

Penulis menghadirkan cerita ini (Walaupun dari mata kasar berupa cerita yang tidak begitu penting) kerana dari kaca

mata penulis mesej yang terkandung di dalamnya amatlah penting, khususnya di sebuah masyarakat yang menghormati demokrasi dan menyanjung tinggi prinsip: "The Supremacy of the Law", yakni keagungan undang-undang.

Kerana kebanyakan orang di negara ini (lebih-lebih lagi, orang-orang kampung) menyangka bahawa pembayaran cukai di lapangan terbang atau pelabuhan kapal adalah terhad hanya kepada orang-bawahan sahaja, dan oleh itu tidak sekali-kali terlintas di hati mereka bahawa seorang Perdana Menteri pun secara sukarela membayar cukai seperti rakyat biasa....

Oleh itu, cerita ini akan menghapuskan sangkaan karut itu. Sebaliknya, penulis difahamkan bahawa di negara-negara yang tidak mengamalkan demokrasi atau yang mengamalkan demokrasi "separuh masak", jika seseorang pegawai kastam yang bertugas di lapangan terbang cuba memeriksa barang-barang kepunyaan Super-V.I.P., pembantu

ataupun drebar Super-V.I.P. berkenaan akan menengking pegawai kastam itu sambil berkata, "Apa! Awak tak sayang kerjakah? Awak tak tahu barang-barang ini adalah kepunyaan Perdana Menteri?" (ataupun Presiden, mengikut keadaan....)

Kedua, dengan tersiarnya berita ini, maka setengah-setengah V.I.P. (yang jauh lebih rendah status mereka dari Perdana Menteri) akan berfikir dua kali (jika tidakkan lebih) sebelum cuba melarikan cukai di masa hadapan. Kerana adalah keadaan dunia di mana jua bagi orang-orang bawahan (termasuk mini-V.I.P.) memperhatikan dengan teliti apa sahaja yang dilakukan oleh orang-orang atas (yakni super-V.I.P.).... Umpamanya, setelah King Edward VII menjalani pembedahan perut untuk mengeluarkan "appendix"nya, akibat penyakit "appendicitis," maka pembesar-pembesar Inggeris di zaman itu berku pangsang di klinik-klinik dan hospital-hospital untuk mengeluarkan "appendix" dari perut mereka. Banyak pula di antara mereka

yang mahukan pembedahan dilakukan oleh pakar bedah yang mengeluarkan "appendix" di Raja dikisahkan tadi.

Dan satu lagi contoh—setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir mengumumkan barubaru ini bahawa beliau telah diserang oleh "diarrhoea", maka penulis terdengar beberapa orang pegawai tinggi (termasuk yang telah bersara) dan tokoh-tokoh politik kanan yang berkata: "Saya tak dapat hadir di majlis itu atau upacara ini, kerana saya telah diserang penyakit "diarrhoea" — penyakit yang sama seperti yang dihadapi oleh Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr. Mahathir tidak lama dahulu."

**Kesimpulan:** Berikut berita yang melaporkan bahawa Perdana Menteri kita secara sukarela membayar cukai, penulis percaya di masa hadapan bilangan V.I.P.-V.I.P. tempatan yang secara sukarela akan tampil ke hadapan untuk membayar cukai di lapangan terbang akan berlipat ganda....(Nota: Ketua

Pengarah Kastam Datuk Abdul Rahim tentu sekali akan senyum simpul bila membaca cerita ini).

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia